

Penduduk pangsapuri *liat bayar caj*

KPKT cadang sekaligus caj penyelenggaraan ke dalam bil cukai pintu

PUTRAJAYA - Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mempertimbangkan cadangan untuk memasukkan caj penyelenggaraan pangsapuri ke dalam bil cukai pintu.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, selepas Akta Pengurusan Strata 2013 diperkenal, pihaknya mendapati Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) rumah berstrata sukar mengutip bil penyelenggaraan daripada penduduk yang liat membuat bayaran.

Bagaimanapun katanya, cadangan itu memerlukan kajian mendalam serta perbincangan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum ia boleh dilaksanakan.

"Kita nak pertimbangkan kaedah supaya mereka yang tinggal di rumah berstrata boleh bayar caj penyelenggaraan, antara cadangan diterima adalah sekaligus caj penyelenggaraan dalam bil cukai pintu.



Noh (kiri) melawat tapak pameran yang dianjurkan ketika Konvensyen JMB/MC peringkat kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

"Kementerian akan sediakan kertas cadangan dan perbincangan dengan PBT akan dilakukan dalam Mesyuarat Exco PBT untuk dapatkan pandangan daripada se-

luruh exco perumahan negara dalam masa terdekat.

"Ini perlu kerana saya lihat banyak rumah pangsa hadapi pelbagai masalah termasuk kerosakan

INFO ● Selepas Akta Pengurusan Strata 2013 diperkenal, pihak JMB atau MC

rumah berstrata sukar kutip bil penyelenggaraan daripada penduduk yang liat buat bayaran

liif, bumbung bocor dan kerosakan besi pemegang tangga yang gagal diselesaikan pihak pengurusan strata kerana ramai pemilik culas bayar bil penyelenggaraan," katanya selepas menghadiri Konvensyen JMB/MC peringkat kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, kelmarin.

Noh berkata, terdapat juga cadangan supaya pihak JMB dan MC diberi kuasa untuk melaksanakan pemotongan bekalan utiliti kepada pemilik yang culas membuat bayaran bil penyelenggaraan.

"Ada wakil JMB yang cadang me-

reka diberi kuasa potong bekalan air dan api di rumah yang tak bayar bil penyelenggaraan, kita akan lihat perkara ini.

"Apa yang pelik saya tengok banyak rumah ada melanggan stesen televisyen berbayar tapi bil penyelenggaraan tak mahu bayar," katanya sambil memberitahu perlunya satu kaedah bagi menguatkuasakan undang-undang tersebut.

Beliau dalam pada itu berkata, turut akan menimbang cadangan wakil JMB yang memohon supaya cukai GST dikecualikan bagi bayaran utiliti ditanggung pihak itu.

Terdahulu, Noh memberitahu Konvensyen JMB/MC peringkat kebangsaan yang julung kali dianjurkan KPKT mendapat sambutan menggalakkan dan menerima lebih 1,000 kehadiran.

Dalam sesi *Town Hall* diadakan pelbagai soalan dikemukakan wakil JMB dan MC dan pihaknya mendapati banyak isu harus diberi perhatian.